

Prosedur rumit sukarkan PBT lupus kenderaan terbiar

Tempoh tiga bulan sebelum pelupusan ganggu parkir terhad kediaman berstrata

Oleh Wan Noor Hayati Wan Alias wanti@bh.com.my

Kuala Lumpur: Prosedur rumit mengambil masa lebih tiga bulan sebelum melakukan pelupusan, menyebabkan pihak berkuasa tempatan (PBT) negara ini berdepan kesukaran melupuskan kenderaan terbiar.

Keadaan itu menyebabkan kere-ta tersadai lama hingga menggan-gu kemudahan parkir yang terhad terutama sekitar perumahan ber-strata seluruh negara.

Mengikut peraturan sedia ada, PBT perlu mengesan pemilik asal kenderaan itu menerusi rujukan kepada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) serta semakan kepentingan atau halangan pelbagai pihak seperti polis, bank dan insurans, sebelum melakukan lelongan atau pelupusan.

Berikutan itu, PBT memerlukan kawasan luas bagi menempatkan semua kenderaan tersadai yang di-sita sementara menanti proses pelupusan diselesaikan.

Lebih menyukarkan keadaan, laporan mengenai kereta terbiar terus diterima daripada orang ramai.

Sebelum ini, Kementerian Pengangkutan mendedahkan, ada lebih 60,000 kenderaan terbiar di seluruh negara, masih dalam pendaftaran JPJ.

Pengarah Jabatan Penguatkuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Osman Ismail, mengakui DBKL berdepan cabaran dalam usaha menangani isu kenderaan terbiar itu berikutan ruang depoh simpanan terhad berbanding penerimaan aduan awam yang tinggi.

Beliau berkata, ketika ini DBKL masih menyimpan 1,300 kenderaan terbiar dan tersadai dalam depohnya di Jalan Emas dan Taman Connaught di pinggir ibu kota ini.

"Jumlah aduan diterima DBKL tahun lalu ialah 918 kes, manakala tahun ini sudah 287 kes dilaporkan. Biasanya setiap aduan diterima membabitkan lebih daripada lima unit kenderaan terbiar, menyebabkan usaha memindahkan kenderaan itu lebih mencabar.

"Lebih sukar apabila pemilik kenderaan berpindah alamat menyebabkan notis tuntutan tidak di-

Laporan Khas

terima, selain sikap masyarakat yang mengambil jalan mudah dengan membiarkannya kepada DBKL sahaja.

"Setakat ini, hanya 10 peratus kenderaan yang ditarik dituntut pemilik asal. Selebihnya, DBKL perlu membuat semakan dengan pelbagai pihak seperti polis, bank, insurans dan lain-lain sebelum sesebuah kenderaan terbiar itu boleh dilelong atau dilupuskan," katanya kepada BH.

Osman menjelaskan, sebelum DBKL menyita mana-mana kenderaan terbiar dan tersadai itu, notis pengalihan dikeluarkan kepada pemiliknya supaya mengalihkan kenderaan dalam tempoh tiga hari atau lebih.

Katanya, kegagalan pemilik berbuat demikian menyebabkan kenderaan terbiar diangkut mengikut Seksyen 46(1)(e) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 iaitu kesalahan meletakkan kayu, besi sekerap, kereta buruk, bahan buangan dan lain-lain di tempat awam dan juga Seksyen 65 Akta Pengangkutan Jalan 1987 iaitu meninggalkan kenderaan yang rosak.

"Tahun lalu, DBKL menyita 1,991 kereta dan 1,069 motosikal terbiar dan pada 14 Mac tahun lalu, pihaknya dapat melupuskan 879 kereta dan 235 motosikal.

"Antara Januari hingga Julai tahun ini, 1,459 kereta dan 291 motosikal terbiar diangkut dan pada 10 April lalu, 908 kereta lusuh, 984 motosikal dan 1,253 basikal Obike

dilupus atau dilelong," katanya.

Beliau berkata, di negara maju seperti Jepun dan Singapura yang sudah mempunyai undang-undang kitar semula kenderaan, memudahkan proses memindah dan melupuskan kenderaan terbiar atau tersadai.

"Di negara berkenaan, kenderaan yang tidak boleh daftar (*scrap*) masih mempunyai nilai di atas jalan raya, berbeza di negara kita kerana kenderaan terbiar ini tiada nilai lagi," katanya.

Osman berkata, DBKL mengambil inisiatif mengaktifkan aplikasi WhatsApp menerusi talian 019-2120031 bagi memudahkan orang awam menyalurkan aduan berkaitan kenderaan lusuh di kawasan kejiranan mereka, khususnya yang padat penduduk bagi membolehkan tindakan diambil.

Sementara itu, Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) mencadangkan kerajaan negeri melantik panel kontraktor secara tetap dalam tempoh tertentu untuk melakukan pelupusan kenderaan terbiar dan tersadai.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam MBSA, Sharin Ahmad, berkata jika ada kontraktor tetap proses pelupusan kenderaan lebih cepat dan mudah kerana tidak perlu melalui proses iklan tawaran sebut harga untuk melupuskan kenderaan lusuh.

"Kontraktor berkenaan akan dipertanggungjawabkan menerima aduan, melawat lokasi, mengeluarkan notis mengikut Seksyen 46(1)(e) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 iaitu merujuk kepada kesalahan meletakkan kayu, besi sekerap, kereta buruk, bahan buangan dan lain-lain di tempat awam.

"Mereka juga bertindak membuat surat semakan senarai hitam kepada polis, memindahkan kenderaan ke depoh, membuat carian pemilik kenderaan di Jabatan Pengangkutan Jalan serta menghantar notis kepada pemilik," katanya kepada BH.

Beliau berkata, tanpa kontraktor tetap, MBSA terpaksa melakukan semua tindakan berkenaan selain mengeluarkan iklan dalam akhbar untuk memaklumkan kepada pemilik, menyediakan kertas pelupusan untuk Mesyuarat Lembaga Pelupusan.

"MBSA juga perlu mengadakan mesyuarat Majlis Mengesahkan Kelulusan untuk pelupusan, iklan tawaran sebut harga pelupusan dalam akhbar atau portal, menyediakan laporan penilaian sebut harga, mengadakan mesyuarat Lembaga Pelupusan untuk mendapat kelulusan sebelum kerja pelupusan dijalankan," katanya.



Sharin mengakui, ketika ini lambakan kereta terbiar dan tersadai ini banyak berlaku di taman perumahan, bengkel kenderaan yang menggunakan petak letak kenderaan awam serta belakang pusat komersial.



Lambakan kereta terbiar punca kesesakan di tempat letak kenderaan sekitar Pangsapuri Putra Ria Jalan Abdullah Hukum, Kuala Lumpur.

Fakta Nombor

1,300

kenderaan terbiar dan tersadai dalam depoh DBKL

918 Aduan

kenderaan terbiar diterima DBKL tahun lalu

10 Peratus

kenderaan yang ditarik dituntut pemilik asal